

# Cara atasi konflik Bosnia

# Guna tentera: PN

B.H 13 AUG 1993



Oleh Mohd Shah Abdullah dan Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia berpendapat hanya tindakan ketenteraan boleh menyelesaikan kekejaman tentera Serb di Bosnia-Herzegovina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) sepatutnya tidak melengah-lengahkan tindakan ketenteraan bagi menamatkan keganasan.

"Sepatutnya Nato mengambil tindakan (ketenteraan) dan tidak tunggu lagi. Kita tidak boleh mempercayai orang Serb ini. Kalau pun mereka berjanji (mencari penyelesaian) dan menunjukkan kononnya mengambil berat, mereka sebenarnya menipu. Puak Serb ini penipu besar," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai kemungkinan Nato akan mengambil tindakan menyerang tentera Serb di Bosnia berikutan tindakan mereka yang enggan menamatkan kezaliman dan kekejaman terhadap rakyat Bosnia serta terus mengepung bandar Sarajevo.

Selasa lalu, Nato mengumumkan kesediaannya menyerang kedudukan Serb di Bosnia dan meletakkan pesawat pejuangnya di 12 pangkalan udara di Itali, selain tiga kapal pengangkut pesawat di Lautan Atlantik.

Dr Mahathir berpendapat jaminan pemimpin Serb, Radovan Karadzic bahawa operasi pengunduran tentera dari dua tempat strategik berhampiran Sarajevo dalam masa 24 jam, sebagai karut.

"Selagi tiada tindakan tentera, tak akan ada kesan. Tidak ada cara lain," katanyan.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Jantung 93, di sini petang ini, Dr Mahathir berkata Malaysia pesimis terhadap usaha Nato untuk menyerang tentera Serb di Bosnia.

"Saya masih tidak yakin mereka (Nato) akan serang. Mereka sudah banyak kali membuat ugutan tetapi setiap kali ugutan dibuat mereka tidak berbuat apa-apa.

"Puak Serb memandang rendah segala ugutan itu. Mereka (Serb) akan terus membunuh, merogol dan menyeksa rakyat Bosnia.

"Orang yang selalu bercakap mengenai keadilan, bila tengok tentera Serb melakukan perkara macam ini (kezaliman), mereka tidak sanggup buat apa-apa. Saya pesimistik dengan Nato," katanya.

Mengenai keputusan itu terletak di tangan Boutros-Boutros Ghali, Dr Mahathir berkata Malaysia sudah menghantar surat kepada Setiausaha Agung PBB itu yang mendesak supaya serangan terhadap Serb dilakukan.

Menurutnya, kerajaan juga sudah menghantar surat yang sama kepada pemimpin kuasa besar Amerika, Britain, Jerman dan Perancis supaya mengambil tindakan yang sama.